BULETIN
PERPUSTAKAAN

UTM-IR PERTAHAN KEDUDUKAN TEMPAT PERTAMA

Malaysia

ranking	World Rank	Instituto	Size	Visibility	Files Rich	scholar
1	111	Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository	642	225	129	41
2	199	Universiti Sains Malaysia Institutional Repository	617	394	144	106
3	202	Universiti Putra Malaysia Institutional Repository	537	387	265	95

Tahniah kepada Perpustakaan UTM atas kejayaan dan kecemerlangan kerana UTM Institutional Repository atau lebih dikenali UTM-IR (http://eprints.utm.my) berjaya menduduki tempat pertama dalam kedudukan Malaysia yang diberi penarafan melalui *Ranking Web of Repositories* di seluruh dunia. UTM-IR turut mengekalkan kedudukannya di tempat pertama dalam repositori di Malaysia selama empat tahun berturut-turut dari 2012-2015. Sebanyak 42,632 rekod telah didedosit sehingga September 2015 yang terdiri dari tesis, kertas seminar dan artikel jurnal yang ditulis oleh staf, penyelidik dan pelajar UTM. Perpustakaan UTM yakin mampu mengorak langkah lebih jauh dalam menggapai misi dan visi pada masa akan datang dengan pencapaian yang membanggakan ini.

UTM KL LIBRARY - A THROWBACK

UTM Library began its operations in 1972 at Kuala Lumpur Campus as Perpustakaan Institut Teknologi Kebangsaan (ITK). The Library first operated with a collection of only 15,000 titles of books and 80 journal titles inherited from Maktab Teknik. In April 1976, ITK was upgraded and known as Universiti Teknologi Malaysia (UTM). From there, the Library building was renovated and space area was extended to a bigger space to accommodate the growing number of students.. UTMKL campus became a branch campus in 1985 after a decision to move to a new campus located in Skudai, Johor.

KETUA PUSTAKAWAN HADIRI KURSUS KEPIMPINAN OLEH AKEPT

Kursus Kepimpinan untuk Ketua Pustakawan dan Timbalan Ketua Pustakawan Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) merupakan kursus anjuran AKEPT dengan kerjasama Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM dan Perpustakaan UTM. Idea penganjuran kursus ini dibawa oleh Dr. Hjh. Kamariah binti Nor Mohd Desa, Ketua Pustakawan Perpustakaan UTM kepada pihak AKEPT bertujuan bagi memberi pendedahan kepada semua Ketua Pustakawan dan Timbalan Ketua Pustakawan untuk melengkapkan diri dengan ilmu kepimpinan bagi menjayakan Dasar Negara membangun modal insan yang berilmu. Program ini telah diadakan pada 7–8 September 2015 dan telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Latihan Kepimpinan (AKEPT), Prof. Madya Dr. Zafir Khan bin Mohamed Makhbul.

Kursus kepimpinan ini telah mengenengahkan penceramah yang dijemput khas iaitu Prof. Peter Hernon iaitu seorang pensyarah dari Graduate School of Library & Information Science (Simmons College, Boston, Massachusetts USA) dan Dr. Nor Edzan binti Che Nasir, Ketua Pustakawan, Perpustakaan UM dan merupakan Presiden Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM).

Kursus ini menjadi medan terbaik pencernaan idea kreatif dan inovatif bagi setiap Ketua Pustakawan dan Timbalan Ketua Pustakawan Universiti Awam untuk lebih berdaya saing dan kompetitif menghadapi persaingan dunia pendidikan masa kini dan akan datang. Tiga teras utama kursus adalah kepada *Managerial Leadership, Leadership Curriculum dan Profesional/ Association Leadership.*

DARI MEJA EDITOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh & Salam Sejahtera

Bersyukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinan-NYA memberi kesempatan kepada sidang editorial Buletin Perpustakaan UTM merealisasikan penerbitan ini. Sesungguhnya untuk mengekalkan penerbitan berkala seperti ini merupakan cabaran besar. Tanpa sokongan dari semua pihak, maka adalah sukar untuk melaksanakan tugas dengan sempurna. Ucapan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada sidang editorial di atas segala usaha dalam menerbitkan Buletin Perpustakaan UTM ini.

Perpustakaan UTM yang ditubuhkan pada 1970 terus mempergiatkan inisiatif strategik sebagai nadi kepada gedung ilmu mahasiswa dan warga universiti. Sehingga sekarang perpustakaan UTM menjadi salah satu perpustakaan yang terkenal di dunia. Sepanjang tempoh 30 tahun penubuhannya, Perpustakaan UTM telah mengalami fasa pembaharuan dan kemajuan selari dengan perkembangan teknologi semasa. Pembangunan Perpustakaan UTM meliputi pelbagai aspek iaitu fizikal, aplikasi sistem serta jenis perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan kepada pengguna. Sepanjang tahun 2015, beberapa inisiatif yang akan dan sedang dilaksanakan untuk menyediakan lebih banyak pilihan perkhidmatan dan kemudahan untuk pengguna.

Justeru, dalam merealisasikan fungsi perpustakaan sebagai pusat penyediaan dan penyampaian maklumat yang benar serta mewujudkan hubungan baik dengan umum bagi membantu melahirkan warga yang berilmu dan berkompetensi tinggi dalam sesebuah organisasi, penerbitan buletin ini dilihat sebagai langkah pendokumentasian dalam penyampaian maklumat yang berkesan.

Akhir kata, saya berharap agar sudi-sudikanlah untuk membuka ruang tengah buletin ini untuk melihat pelbagai agenda dan aktiviti yang berlangsung sepanjang bulan Julai hingga September 2015. Sekian sahaja buat kali ini, semoga kita berjumpa lagi di lain sidang.

SELAMAT MEMBACA.

OPENING HOURS UTM LIBRARY KUALA LUMPUR

Days	During Semester	2 Weeks Before & During Examination	Semester Break
Monday-Friday	8.00 am - 10.00 pm	8.00 am - 10.00 pm	8.00 am - 10.00 pm
Saturday & Sunday	8.00 am - 10.00 pm	8.00 am - 10.00 pm	8.00 am - 10.00 pm
Public Holiday	Closed	8.00 am - 10.00 pm	Closed

WELCOME TO MENARA RAZAK LIBRARY

Menara Razak Library began its operation in 2012. It is a specialised library focusing into collections in Business Engineering & Management and Technology. The library only opens to Postgraduate students. Even though its size is quite small but it is strategically located at Menara Razak Tower, which currently being the central of UTM KL's core programmes.

The library also provides special collection on Ocean Thermal Energy which was developed with collaboration with UTM Ocean Thermal Energy (UTM OTEC), a dedicated centre in UTM KL that advocates the ocean thermal energy in Malaysia. The library became integral part of support by providing latest and high quality materials to OTEC research team in carrying out research activities.

Time / Days	Morning	Break	Evening
Monday-Thursday	8.00 am - 1.00 pm	1.00 pm - 2.00 pm	2.00 pm - 5.00 pm
Friday	8.00 am - 12.15 noon	12.15 noon - 2.45 pm	2.45 pm - 5.00 pm
Saturday	8.00 am - 1.00 pm	1.00 pm - 2.00 pm	2.00 pm - 5.00 pm
Sunday & Public Holiday	Closed	Closed	Closed

WELCOME TO MALAYSIA – JAPAN INTERNATIONAL INSTITUTE OF TECHNOLOGY (MJIIT) LIBRARY

Time / Days	Morning	Break	Evening
Monday-Thursday	8.00 am - 1.00 pm	1.00 pm - 2.00 pm	2.00 pm - 5.00 pm
Friday	8.00 am - 12.15 noon	12.15 noon - 2.45 pm	2.45 pm - 5.00 pm
Saturday, Sunday & Public Holiday	Closed	Closed	Closed

MJIIT Library began its operation in 2013. It has various collections mostly related to Japanese technology, management and culture. Those collections are specifically related with courses thought in MJIIT for both undergraduates and postgraduates. Users can find many collections in Japanese language as the students of MJIIT are made compulsory to learn Japanese to prepare themselves prior to their studies or training in Japan.

The library also works closely with academicians and researchers in MJIIT in providing research support including providing data publication and information related to their teachings and research.

Quotes of The Day

THE NATURAL DESIRE OF GOOD MEN IS KNOWLEDGE.

Leonardo da Vinci

LEADERSHIP THEORY FOR FUTURE LEADERS

Emotional Intelligence

- Authentic Leadership
- Team Leadership
- Transformational Leadership
- Four Frames Models Leadership
- Resonance Leadership
- Colaborative Leadership
- Adaptive Leadership

Leaders need to
- Be in touch with their "inner feelings" (self-awareness).
- Be able to exercise self-control.
- Be aware of how others see them
- Understand what others need from them
- Be able to focus and eliminate distractions
- Be able to let their minds move beyond preconceptions (be innovative and creative)

Emotional Intelligence: A Key Component of Managerial Leadership

- A change need to be done from the library internal culture
- Relationship Building thus is very important. Interact with people beyond institution and correct the misconception about the library.
- Risk Taking
- Human Resource does deal with
- Emotional Side Vision is very important and need to be shared
- EI starts with oneself. Keep the intention of where you are going to.
- Leader need to anticipate and do not just react to development- Risk Taking
- Enhance the prestige of the library-diversified services, entrepreneurial activities

Sources:
Peter Hernon, Prof Emeritus, Simmons College, Boston, USA.

KOLEKSI LUKISAN TERUKUR KHAZANAH BERHARGA PERPUSTAKAAN

Koleksi Lukisan terukur berjumlah 5478 naskhah telah dipindahkan dari Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) ke Aras 3, Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah (PRZS) pada 10 Ogos 2015. Diantara yang terbanyak adalah lukisan terukur dan kajian sejarah warisan senibina Malaysia yang dihasilkan oleh para pelajar di Jabatan Senibina, Fakulti Alam Bina, UTM. Lukisan terukur ini terdiri daripada pelbagai kategori iaitu bangunan awam, rumah kediaman, rumah ibadat, masjid, istana, institusi, bangunan perdagangan dan wakaf. Turut dipindahkan adalah semua lukisan terukur dokumen kontrak yang diterima oleh Perpustakaan UTM daripada Pejabat Harta Bina.

Sebanyak 305 naskhah peta yang melampiri tesis dari Fakulti Kejuruteraan Awam juga telah dipindahkan ke PRZS. Jumlah keseluruhan bahan yang dipindahkan adalah 5783 naskhah. Sementara itu, perkhidmatan merujuk koleksi berkenaan telah dibuka kepada pelajar dan staf pada September 2015. Pihak Perpustakaan UTM amat mengalu-alukan semua untuk merujuk koleksi lukisan terukur ini.

Masjid Sultan Abu Bakar

Stesen Keretapi Kluang

SOROTAN AKTIVITI PERPUSTAKAAN

JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI

Pada tarikh 13 Ogos yang lepas, Jamuan Hari Raya Aidilfitri peringkat Perpustakaan UTM telah diadakan di Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, turut diadakan serentak ialah sambutan hari raya peringkat Perpustakaan UTM Kuala Lumpur.

Majlis ini berlangsung dengan suasana meriah dan dilihat berjaya mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan staf perpustakaan. Majlis dipenuhi dengan ucapan oleh Ketua Pustakawan, Dr. Hjh. Kamariah binti Nor Mohd Desa seterusnya marhaban oleh staf lelaki. Pelbagai menu dan juadah telah disediakan antaranya adalah lontong, sate, pencuci mulut berupa kuih-muih dan buah-buahan. Pihak Kelab Keluarga Perpustakaan UTM (KKSPUTM) juga telah berbesar hati menyumbang cenderahati kepada setiap ahli sebagai tanda penghargaan.

KHIDMAT MASYARAKAT – UTMRS DI RAYIKT

Berbekalkan azam untuk mengembangkan amalan budaya ilmu di semua peringkat, Perpustakaan UTM di bawah Program Khidmat Masyarakat yang diketuai oleh Pejabat Pendaftar UTM telah mengambil inisiatif menubuhkan UTM Reading Station (UTMRS) di Rumah Anak Yatim Islam Kota Tinggi (RAYIKT) pada 28-29 Ogos 2015 yang lalu.

Sebanyak 296 naskhah bahan yang terdiri dari koleksi fiksyen, majalah dan bahan bacaan umum telah ditempatkan di UTMRS ini. Pihak perpustakaan turut membantu memproses buku-buku rujukan SPM, PT3 dan UPSR yang disumbangkan oleh pihak luar kepada RAYIKT untuk ditempatkan di ruang bacaan mereka. Bagi meraikan anak-anak didik di RAYIKT, staf perpustakaan turut mengambil kesempatan untuk melibatkan diri di dalam lain-lain aktiviti seperti pemeriksaan kesihatan, kelas masakan dan motivasi. Adalah menjadi harapan pihak perpustakaan agar kemudahan yang disediakan ini dapat memberi manfaat kepada warga RAYIKT.

Kepada yang berminat untuk mewujudkan UTMRS di tempat anda, sila berhubung terus dengan Pn. Junaidah binti Abdullah di talian 07-5530043 atau emel ja@utm.my.

PELESTARIAN KAMPUS : "MAKMAL HIDUP DAN FUNGSINYA MENGENAI GAYA HIDUP LESTARI"

Dalam menyahut aktiviti pelestarian kampus, Perpustakaan UTM telah mengambil langkah mengadakan satu ceramah bertajuk "Makmal Hidup dan Fungsinya Mengenai Gaya Hidup Lestari" kepada warga Perpustakaan UTM Johor Bahru pada 14 September 2015 (Isnin) bertempat di Bilik Seminar 3, Aras 4, Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, Johor. Ceramah telah disampaikan oleh Prof. Madya Ir. Dr. Mohd. Fadhil bin Md Din, Pengarah Pelestarian Kampus UTM. Ceramah berkenaan telah memberi idea dan maklumat bermanfaat kepada warga perpustakaan mengenai langkah-langkah gaya hidup lestari yang menjadi hasrat UTM untuk semua mempraktikkannya di tempat kerja masing-masing.

SOROTAN AKTIVITI PERPUSTAKAAN

PROGRAM "TEAMBUILDING" PERKASA MODAL INSAN

Perpustakaan UTM sentiasa komited dalam pembangunan staf melalui latihan. Perlaksanaan program *Team Building* ini diharap mampu mempertingkatkan kebersamaan dan kerja berpasukan dalam kalangan warga kerja Perpustakaan UTM. Program ini telah berlangsung pada 25-27 Ogos 2015 (Kumpulan 1) dan 8-10 September 2015 (Kumpulan 2) bertempat di Kompleks Saujana Asahan, Melaka. Pengisian program selama 3 hari ini antara lain mempunyai nilai-nilai kreatif, inovatif, imaginatif yang kritis dan inventif agar dapat membuka minda dan persepsi staf perpustakaan di sekitar suasana kerja sebenar di samping memperkasa modal insan secara menyeluruh.

LAWATAN AKADEMIK MEDAN PROMOSI PERPUSTAKAAN

PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH JOHOR BAHRU
1. Pelajar Sekolah Kebangsaan Jalan Yusof, Muar, 15 Sept. 2015
2. Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Layang-layang Kluang, Johor, 20 Sept. 2015

PERPUSTAKAAN RAJA ZARITH SOFIAH JOHOR BAHRU
3. Staf Tokyo Metropolitan College of Industrial Technology, 7 Sept. 2015
4. Delegasi Islamic State University WaliSongo, 7 Sept. 2015

PAMERAN PERPUSTAKAAN

1. Pameran Minggu Mesra Pelajar—7-8 September 2015 di Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru.

2. Pameran Kemerdekaan, Ogos-September 2015 di Lobi Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Johor Bahru.

THE ONLY GOOD IS KNOWLEDGE, AND THE ONLY EVIL IS IGNORANCE.
Herodotus

AUDIT DALAM MS ISO 2015

Audit Dalam MS ISO Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) 2015 Perpustakaan UTM telah diadakan dari 15-30 Jun 2015. Audit Dalam ini adalah sebagai satu kaedah penambahbaikan berterusan yang dijalankan oleh Perpustakaan UTM semenjak pensijilannya pada tahun 1998.

SOROTAN AKTIVITI PERPUSTAKAAN

SEMINAR, LATIHAN, BENGKEL & TAKLIMAT

21 September 2015, Bilik Seminar 3 PSZ JB
SEMINAR "Research Best Practices": Publisher Talk - Sesi pembentangan oleh Mr. Wong Woei Fuh

22 September 2015, Makmal Pencarian Maklumat PSZ JB
1. "Reference Management With ENDNOTEX7" - Sesi penerangan oleh Mr. Wilson Tan (Thomson Reuters)
2. Seminar "Publish! or Perish? How To Publish And Not Perish" - Sesi penerangan oleh Dr. See Diu Seng (Thomson Reuters)

UTM CHIEF LIBRARIAN AS CHAIRPERSON IN ICOL 2015

Dr. Hjh. Kamariah Nor Mohd Desa was appreciated as Chairperson for Session 2 of the International Conference On Libraries 2015 - ICOL 2015 on 25-26th August 2015 organized by Universiti Sains Malaysia (USM) Penang at Vistana Hotel Penang.

ANUGERAH HIGH USAGE WORLDWIDE

Penyampaian Anugerah High Usage Award Worldwide 2014 oleh Emerald Group Publisher kepada Timbalan Ketua Pustakawan, En. Anuar bin Talib dan Pn. Noraziah binti Sharuddin pada 7 September 2015. Tahniah! Kepada Perpustakaan UTM di atas kejayaan yang membanggakan ini.

PINDAH KOMPAKTUS UNTUK KONSERVASI

Projek perpindahan kompaktus dari ruang Galerium UTM ke ruang Bilik Konservasi telah dijalankan pada 11 Ogos 2015. Projek ini menyaksikan Perpustakaan UTM gigih untuk memastikan semua koleksinya yang berada dalam kompaktus dipindahkan semuanya bagi melancarkan proses konservasi untuk simpanan dan rujukan pada masa akan datang.

MUZIUM NELAYAN CERNA IDEA UNTUK GALERIUM

Lawatan ke Muzium Nelayan, Tanjung Balau, Johor telah diadakan pada 29 Julai 2015 oleh staf Unit Galerium UTM. Lawatan ini adalah untuk mencari idea bagi perkembangan Galerium UTM. Sesi lawatan sebegini adalah asas pencernaan idea untuk penghasilan sesebuah projek yang kreatif dan inovatif. Peluang sebegini tidak dilepaskan oleh semua staf Galerium UTM untuk mendapat sebanyak mungkin maklumat dan pengetahuan.

NEWS FROM UTM LIBRARY KUALA LUMPUR

ENGAGEMENT WITH UTM KL CAMPUS DIRECTOR

A dialogue session with UTMKL Campus Director, Prof. Dr. Durrishah Idrus was held on 27th March 2015. Besides sharing information on library activities, the dialogue session also gave an opportunity for the staff to interact directly with Campus Director. Among issues highlighted were facilities to the users in UTMKL campus to ensure only the best services delivered. UTM KL Library was advised to set a benchmarking criteria by visiting other top performance libraries. Prof. Dr. Durrishah also gave positive inputs on how to improve publication consultation service that is being carried out by librarians to increase awareness among the researcher and academic staff about the importance of knowing the journal impact factor, h-index and citations by the author. That was a very casual session where everyone shared insights and ideas.

TAKLIMAT PELAJAR PASCA IJAZAH

Perpustakaan UTM Kuala Lumpur telah dijemput untuk memberi taklimat mengenai perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan kepada pelajar baru pasca ijazah pada 5 & 6 September 2015 bertempat di Dewan Jumaah, UTM Kuala Lumpur.

Pustakawan yang terlibat pada program taklimat tersebut ialah Puan Noor Ayesha bt. Mohd Ezanee dan Puan Khairun Nadzrah bt. Khalid. Maklumbalas daripada pelajar adalah amat baik dan mereka menunjukkan minat ke atas penerangan mengenai kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan .

CONFERENCE ON LIBRARIANS FOR THE CYBER WORLD

Persatuan Pustakawan Malaysia's (PPM) conducted a Diamond Jubilee Conference on Librarians for the Cyber World on 14th-15th September 2015 at Pullman Hotel, Bangsar, Kuala Lumpur. This is in conjunction with their 60th year's anniversary. Two of UTM KL Librarians, Puan Nik Masriza binti Zakaria and Cik Sharifah Radhiah binti Syed Azman participated in this two days event.

Through this event, it helps to facilitate discussion on the developments in librarianship, the challenges librarians are facing in the 21st century, to foster professional relationship among librarians locally and internationally and to give insight about the common concept and practice of cyber librarianship.

The conference main emphasis were paper presentation and discussion on critical issue in Cyber age librarianship in terms of lifelong education, 21st century competencies for Cyber age, leadership skills and technological advancement. An interesting session called Knowledge Cafe was conducted where every participant was assigned to a group and was given a topic to discuss among the group members. They are required to do brainstorming in a group followed by presentation session within a short period of time.

NEWS FROM UTM LIBRARY KUALA LUMPUR

ENGINEERING ACCREDITATION COUNCIL (EAC) LIBRARY AUDIT

On 24th June 2015, two of MJIIT's programmes, Mechanical Precision Engineering and Electronic System Engineering were being accredited by the Engineering Accreditation Council (EAC).

The objective of EAC accreditation is to ensure that graduates of the accredited engineering programmes satisfy the minimum academic requirements for registration as a graduate engineer with the Board of Engineers Malaysia (BEM) and for admission to graduate membership of IEM. One of the qualifying requirements and accreditation criteria were the facilities provided including the library. UTM KL Library including MJIIT library were visited by three EAC Panels where they look into the library collections, services and facilities provided to further clarify the effectiveness intended for the students. A presentation on the library was conducted and manages to answer a few questions from the panels.

The library team were made to understand after the completion of the audit that the outcome of the audit was satisfactory. The library has been consistent in providing good environment to the users to enjoy the best educational experiences in order to accomplish the objectives of all programmes.

LATIHAN KEBAKARAN DI BANGUNAN MENARA RAZAK

Pada 18 Ogos 2015, Perpustakan Menara Razak bersama semua staf dari fakulti dan unit di bangunan Menara Razak telah terlibat dengan Latihan Kebakaran. Latihan kebakaran yang diadakan dengan kerjasama daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Pusat Kesihatan Universiti, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) telah diketuai oleh Prof. Dr. Awaluddin bin Mohamed Shaharoun selaku Ketua Bangunan Menara Razak.

Latihan Kebakaran turut diselitkan dengan Latihan Penggunaan Alat Pemadam Api oleh anggota Balai Bomba dan Penyelamat Sentul. Latihan ini bertujuan untuk menguji persiapan pasukan Emergency Respons Team (ERT) di Menara Razak termasuk penggunaan alat pencegah kebakaran dan persediaan penghuni sekiranya berlaku kecemasan.

ERAT KERJASAMA BERSAMA OTEC

Perpustakaan UTM KL dan UTM Ocean Thermal Energy Centre (OTEC) telah bekerjasama dalam usaha untuk menyokong aktiviti penyelidikan dan menyumbang kepada hubungan yang lebih rapat bersama Pusat Kecemerlangan di kampus Kuala Lumpur. Pelbagai aktiviti dirancang bagi memastikan kerjasama ini berterusan. Salah satu aktiviti yang telah dibuat ialah lawatan Pustakawan ke pejabat UTM OTEC. Dalam lawatan ini Pustakawan telah diberi penerangan berkaitan Mini OTEC yang dibangunkan iaitu mengenai *energy conversion* iaitu kaedah menukarkan sebahagian haba daripada matahari yang tersimpan di dalam lapisan permukaan air menjadi tenaga elektrik atau produk tenaga yang lain. Perkongsian ilmu antara penyelidik dan pustakawan ini dillihat dapat membantu usaha universiti dalam melahirkan penyelidikan yang berkualiti. Hasil penyelidikan dari para penyelidik dari UTM OTEC ini dirancang untuk menjadi sebahagian dari koleksi Perpustakaan UTM untuk rujukan pengguna.

SELAMAT BERTUGAS STAF BARU KL

Perpustakaan UTM ingin mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada lima wajah baharu yang bakal meneruskan legasi Perpustakaan UTM. Semoga kehadiran mereka dapat membantu meningkatkan lagi mutu perkhidmatan Perpustakaan UTM.

Siti Noorhaniza bt Hamdan
Pustakawan S41
(Unit Perolehan & Bibliografik)

Mohd Fikri bin Yusof
Pembantu Perpustakaan S17
(Unit Pengurusan Koleksi)

Norzilah bt Abd Aziz
Pembantu Perpustakaan S17
(Unit Pengurusan Koleksi)

Muhammad Hanis bin Rahim
Pembantu Perpustakaan S17
(Unit Pengurusan Koleksi)

SOCIAL RESPONSIBILITY - INFORMATION EXPLORATION PROGRAMME

As part of university's social responsibility, UTM KL Library took the initiatives to organise Information Exploration program with SMK Padang Tembak Kuala Lumpur. The event was held on 23rd June 2015 with the participation of 40 students and 2 teachers from SMK Padang Tembak Kuala Lumpur.

The objective of the program was to increase the students' knowledge and awareness about the life after school and motivates them with the university culture as well as teaches them on how to find information accurately. The Library collaborates with Counselling Centre by organising the Career Exploration test which is to help the student with their future career plan. Among other activities conducted were talk given by UTM Librarian, Ms. Sharifah Radhiah binti Syed Azman about the "Importance of University Library". Games related with information searching were also being conducted.

MJIIT LIBRARY AND JAPANESE LANGUAGE FESTIVAL 2015

On 10th May 2015, in collaboration with Japanese Language Society of Malaysia (JLSM), UTM had successfully organised the second Japanese Language Festival. That was an annual event and was held in Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT). This event was also co-organised by the Ministry of Education Malaysia (MOE), the Embassy of Japan in Malaysia and The Japan Foundation Kuala Lumpur.

MJIIT library took part by providing venue for the event. There were more than 30 Japanese cultural workshops held during the event such as calligraphy, origami, etc. The event attracted huge number of participants where 1500 people who are learners of Japanese language in secondary schools, colleges and universities all over Malaysia came to be part of the event. On that day, the library also took the initiative to showcase a video about Japan which entitled Japan Sense of Wonder and Japan: Fascinating Diversity.

UTM READING STATION AT SCHOLARS INN, UTM KL

Collaboration between UTMKL Library and Scholar's Inn has led to an establishment of the 21st Reading Station for UTMKL Library. The station is located at Level 2, Scholar's Inn UTM Kuala Lumpur. Visitors who stay at Scholar's Inn are now able to enjoy various reading materials consisting of books and magazines contributed by UTM community.

FAREWELL RECEPTION

A farewell reception was held on 29th May 2015 to honour UTM Kuala Lumpur Library staff, Abd. Aziz bin Kamal and Zainudin bin Ainudin. Abd. Aziz who has been a staff of UTM Library for 34 years retired on 22nd May 2015 while Zainudin who has been with UTM Library since September 1978 retired on 12th June 2015. The special occasion was held at Dewan Jumaah, UTM Kuala Lumpur.

THESIS REFERENCE SERVICES

- UTM Theses / Project Papers Collection is located at level 3, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah.
- Users are advised to search for the information of the theses / project papers in UTM library Online Catalogue before entering the room.

How to Refer to UTM's Printed Project Paper/Thesis

Notes :

- This service is opened to :
  a) UTM's staff / student
  b) PSZ's External member
  c) PERPUN's member

- Project paper/thesis under the status "terhad/ sulit"/ "restricted" are closed to patrons.

*1 - Application will take one (1) working day. Patron can check the feedback after 2.00 pm the following day at the Enquiry Desk (Level 3)

*2 – PERPUN's and PSZ's External Members are only allowed to refer to the colllection with status "Available" ONLY.

Start → Refer to OPAC → Get full details of the Project Paper/thesis as follows : (Title, Author, Call Number, Notes, Location and Status) Please see example below → Check location and status of the material from the OPAC

"In Processing" / "Material being catalogued" / "At Reprography" / "Material at the Bindery"

*2 "UTM Thesis Collection"

*1 Proceed to the Research Support Consultant (Level 1) and fill in the Reference Enquiry/Item Request Form

Proceed to Thesis Reference Room (Level 3) → Refer to staff on duty with details of materials such as Author, Call Number and Faculty → Materials are to be referred at the Thesis Reference Room (Level 3)

Proceed to the Thesis Reference Room (Level 3) and present the matric card to staff on duty

End

ARTICLE REVIEW

Embedded Librarianship: The Library as a Service, Not a Space

In this era of advancement technology, library is facing challenges on how to stay relevance. One of the options is through embedded librarian. The author of this article is the Northern California Library Manager for O'Melveny & Myers LLP. In her article, she defined and described what embedded librarianship and how it could be developed in a library.

David Shumaker of Catholic University of America's School of Library and Information Science identifies four keys to embedded librarianship which are:

- Build strong relationships with members of a specific information user group.
- Focus on understanding their work and information needs.
- Share their goals and actively contribute to the achievement of those goals
- Become an integral and indispensable member of the group.
- Support from the organizational leadership.

All of these elements must be addressed correctly as each of them is interrelated. Since this initiative is new, the first step is to build relationship and to develop trust among the stakeholders of a library. Librarians have the advantage of having already developed strong working relationships and trust with their individual users, so in implementing an embedded librarianship initiative, librarians just need to translate these qualities to the team, group or department level. Embedded librarians need to function under the umbrella of the library, and their ultimate goals must align with those of the rest of the library team. Therefore, it is important for the library director to take responsibility for communicating the details surrounding individual duties and workflow procedures to make sure everyone in the library is well informed and fully committed to the idea.

The goal of embedded librarianship is to take this one step further — from a service to a true partnership. Being an embedded librarian takes time, but it is time well spent and, regardless of how many librarians an organization embeds or where they reside, an important relationship is always created.

•••

This article can be downloaded for further reading at www.aallnet.org/.../embedded.pdf.

SUPPORTING YOUR RESEARCH @ UTM LIBRARY
http://library.utm.my

This site provide you all information about:

- Membership
- Services
- Collections
- Research
- E-Resources
- Library Catalogue

- Off Campus Login
- E-application
- Social Media
- New Books
- News and Announcement

HOW TO BECOME LIBRARY MEMBER

- Every new full-time/part-time off campus students and permanent staff members of UTM is issued a UTM identification card when they first register with the University. The barcode, affixed on the reverse of the card, is used to activate the   member's record.
- External Members, UTM Family Members and Corporate Members are required to bring two passport-size photographs to the library and registration can be made at the Circulation Counter during office hours.
- Membership must be renewed annually except for UTM Family Membership.
- Temporary staffs and External Members will be charged RM10.00 on replacement of membership cards.Membership cards are non-transferable except to Corporate Members for a fee of RM50.00.

UTM INSTITUTIONAL REPOSITORY

Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository (UTM-IR) is a digital collection of the University's intellectual or research output. Institutional repositories centralize, collect, preserve, and comply to open access concept of accessing collection of scholarly materials that showcases the research output of Universiti Teknologi Malaysia communities. UTM Library is responsible in establishing, collaborating, managing, maintaining and disseminating the content of UTM-IR. To access, log on to http://eprints.utm.my

UTM-IR
institutional Repository

SUMMON@UTM

A single, unified index that returns a single, unified set of results – allowing users to effectively search and navigate across the Library's online database titles.

Scival Experts — SciVal Experts — UTM Experts

UTM Experts (SciVal Experts) is an UTM expertise profiling and research networking tool that helps Researchers, Students, Administrators, Managers and Senior leadership identify experts and enable collaboration within their institution and across organizations.

ULRICHSWEB GLOBAL SERIALS DIRECTORY

An easy to search source of detailed information on more than 300,000 periodicals (also called serials) of all types: academic and scholarly journals, e-journals, peer-reviewed titles, popular magazines, newspapers, newsletters, and more.

DO VISIT OUR DATABASES

Subscribed online databases, e-journals and e-books are only accessible to UTM Library registered members. Please log in with your ACID@ISID account.
Note that excessive downloading activity is subject to serious offense which may result in suspension of detected IPs. For security reasons, please log out and exit your web browser when you are done. Accessing services that require authentication!

PERPUSTAKAAN UTM KE ARAH PENSIJILAN AMALAN 5S

Dalam hala tuju untuk mendapatkan Pensijilan 5S di Perpustakaan UTM, pelbagai aktiviti telah dijalankan. Antaranya taklimat kesedaran 5S, bengkel dan latihan 5S, penubuhan Jawatankuasa 5S, penubuhan sebanyak 9 zon 5S yang merangkumi semua bahagian di perpustakaan, penghasilan Buku Garis Panduan 5S Perpustakaan UTM, gotong-royong mingguan dan beberapa aktiviti promosi 5S yang telah dijalankan selama ini.

Konsep Amalan 5S mula diperkenal kepada syarikat-syarikat di Jepun pada awal dekad 1980an. Ia terbukti kaedah atau alat pengurusan yang boleh mewujudkan persekitaran tempat kerja berkualiti yang selesa, kemas dan selamat dan menentukan kepatuhan kepada piawaian berterusan. Amalan 5S berkenaan iaitu "Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal" itu bagi menjamin tahap kekemasan dan susun atur persekitaran sentiasa di tahap terbaik. Amalan ini amat berkesan dalam usaha memotivasikan pekerja, meningkatkan produktiviti, membentuk persekitaran kerja yang selamat dan melahirkan budaya tolong menolong. Manakala perkakasan yang perlu dilupuskan haruslah berdasarkan Tatacara Pelupusan Aset Kerajaan. Penyelaras Amalan 5S, Cik Badariah binti Borham melahirkan harapan semua warga kerja Perpustakaan UTM dapat mengekalkan pembudayaan itu dan menjadikan aktiviti 5S amalan seharian. Seluruh warga Perpustakaan UTM sedang giat dan bertungkus lumus untuk menjayakan amalan 5S ini ke arah pensijilan menjelang tahun 2016.